

Helo Hello Kampus

Kampus

kampus@utusan.com.my

Splash tingkat p bahasa Inggeris

BAHASA Inggeris bukanlah mata pelajaran kegemaran bagi kebanyakan pelajar namun kepentingan bahasa tersebut menuntut semua golongan untuk menguasainya.

Minat terhadap bahasa Inggeris perlu ditingkatkan dalam kehidupan seharian pelajar universiti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sehubungan itu, pelajar semester tujuh Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (Kepujian) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) baru-baru ini telah mengadakan Program Amal Hari Kemanusiaan Bahasa dan Sukan (Splash 2016) iaitu program berbentuk pemikiran kritikal bersama komuniti.

Program yang berlangsung di Stadium Tertutup Gong Badak, Terengganu itu telah disertai 500 pelajar daripada pelbagai fakulti dan pelajar sekolah menengah sekitar Kuala Terengganu.

Oleh MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my



Pengarah program, **Norisma Husna Khairul Zaman** berkata, program itu dirancang untuk menyahut idea Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh yang mencadangkan agar program transformasi ilmu antara universiti dan komuniti perlu direalisasikan untuk memperkasa kemahiran berkomunikasi.

"Kami amat berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan UniSZA yang memberi ruang dan kepercayaan dalam usaha melaksanakan

tanggungjawab universiti kepada komuniti," katanya.

Sepanjang program itu, pelbagai aktiviti dijalankan antaranya *Colour Run, Humanity Exhibition, Language Game, Colouring Contest, Carboot Sale* dan *Food Truck*.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Bahasa dengan Komunikasi UniSZA, Prof. Datuk Dr. Mohamed Anwar Omar Din.

Norisma berkata, beliau menyifatkan penganjuran program itu merupakan salah satu langkah pemindahan ilmu daripada pelajar universiti kepada masyarakat setempat khususnya kalangan pelajar dengan fokus pada kemahiran berkomunikasi, mendengar, membaca dan menulis di samping berfikir secara kritis.

**NORIS
KHAIR**



PAR... peserta
membuat
persembahan
berkumpulan.

enguasaan




MA HUSNA
UL ZAMAN

“Secara tidak langsung program ini akan menjadi pemangkin kepada usaha menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar bermula pada peringkat sekolah menengah dengan mempertingkat keyakinan diri mereka di universiti,” ujarnya.

Katanya, jika dapat memperlihatkan keberkesanan,

pihaknya berharap program itu dapat menjadi sebahagian daripada agenda program persatuan dan universiti yang bakal diadakan setiap tahun.

“Malah program ini kelak boleh diperluaskan pelaksanaannya dengan melibatkan sekolah-sekolah menengah terpilih di seluruh Terengganu sebagai sekolah angkat,” katanya.



DR. MOHAMED ANWAR OMAR DIN (kiri) menerima replika cek sumbangan sempena Program Amal Hari Kemanusiaan Bahasa dan Sukan UnisZA.